

Newspaper	Berita Harian
Date	27/08/2017

Bekas pemimpin UMNO jadi alat pembangkang

BH-27/8/2017 B.8

➔ Dendam, miliki agenda peribadi punca tindakan hentam kerajaan

Oleh Abdul Rahemang
Taiming
bhnews@bh.com.my

✦ Tawau

Bekas pemimpin UMNO yang kini menjadi alat pembangkang untuk menghentam dan menyerang kerajaan, sebenarnya mempunyai masalah peribadi dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mendakwa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, masing-masing mempunyai masalah yang menyebabkan mereka bertindak keluar parti.

Ada agenda tersendiri

“Tun Dr Mahathir misalnya, mempunyai agenda tersendiri iaitu mengangkat anaknya (Mukhriz) merebut jawatan Naib Presiden bagi meneruskan misinya dalam UMNO tetapi gagal. Apabila anaknya kalah, beliau mula menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Begitu juga Shafie yang menyerang Perdana Menteri selepas keahliannya digantung dan kemudian

mengumumkan keluar UMNO. Mereka sebenarnya mempunyai dendam tersendiri terhadap UMNO dan atas sebab itulah mereka mudah diperalatkan pembangkang,” katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Tawau di sini, semalam.

Ismail Sabri yang juga Menteri Keadilan Luar Bandar dan Wilayah, berkata ekoran masalah peribadi, Dr Mahathir lebih banyak menyerang dan menghentam Perdana Menteri berbanding pemimpin pembangkang termasuk Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng.

Katanya, Dr Mahathir mungkin sedar dirinya diperalatkan tetapi beliau tetap menghentam kerajaan walaupun tahu sukar untuk menguasai kerusi yang banyak bagi mengalahkan BN dan kembali menjadi Perdana Menteri.